

Mengindustrikan sektor tani negara

Matlamat serampang dua mata dilaksana meningkatkan pengeluaran makanan

B.H m/s 11 10.5.07

Oleh Rohaniza Idris

BIDANG pertanian dan industri asas tani. Apakah yang terlintas di fikiran kita apabila perkataan ini disebut. Ra-ta-ratanya terbayang mengenai kebun, la-dang, sawah padi, petani, nelayan dan pen-ternak. Selain itu, ramai pastinya terbayang pertanian adalah bidang untuk golongan tidak perlu bersekolah tinggi.

Hakikatnya, pertanian dan industri asas tani mempunyai definisi dan peranan yang lebih daripada apa yang kita fikirkan terutamanya dalam persekitaran semasa yang semakin kompleks ini.

Peranan sektor pertanian tidak terbatas kepada pengeluaran makanan, penyediaan pekerjaan dan pendapatan, tetapi merangkumi kepentingan persekitaran serta penggunaan sumber lestari di samping mengekalkan nilai murninya kepada masyarakat.

Peningkatan permintaan makanan yang sudah diproses dan penggunaan sumber yang tidak cekap, boleh menyebabkan sumber untuk generasi yang akan datang terhakis. Dalam kata lain, peranan sektor pertanian adalah pelbagai dimensi iaitu merangkumi ekonomi, sosial, persekitaran dan kelestarian sumber.

Malah, mereka yang terbabit dalam sektor ini bukan terhad kepada pekebun kecil semata-mata atau petani yang tidak berpela-jaran tinggi malah kini turut menjadi pilihan siswazah dan diusahakan syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia.

Menyedari hakikat bahawa pertanian itu penting maka kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) memperuntukkan RM6.9 bilion, meningkat 94 peratus

mantau atau semua rancangan dibiarkan berjalan tanpa pengawas untuk meneliti perjalannya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dalam Perhimpunan Agung Umno November lalu ada menyatakan Biro Pertanian Umno di setiap bahagian harus bekerjasama dengan kementerian untuk memantau pelaksanaan projek pertanian bernilai RM6.9 bilion sepanjang RMK-9.

Namun, itu seruan untuk ahli Umno, bagaimana di peringkat kementerian itu sendiri? Adakah jawatankuasa khusus ditubuhkan untuk memantau perancangan dan pelaksanaan dalam RMK-9?

Sebenarnya, selain mendapatkan maklum balas umum, kementerian itu menerusi bahagian, jabatan dan agensi di bawahnya menetapkan semua projek yang dijalankan, di-



pantau secara berkala bagi memastikan setiap perancangan berjalan lancar dan menepati sasaran ditetapkan.

Selain, pemantauan kerja, satu lagi aspek yang penting untuk memastikan RMK-9 berjaya adalah budaya kerja setiap anggota yang terbabit dalam sektor ini.

Pada peringkat kementerian umpamanya, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr Zulkifli Idris berkata, perancangan akan gagal jika ketiadaan budaya kerja cemerlang.

“Budaya kerja yang cemerlang mengamalkan nilai dan norma kerja yang mengutamakan tindakan dan hasil kerja yang berkualiti, berdisiplin dan berhemah tinggi serta berinovatif akan menghasilkan keberkesanan di dalam sistem penyampaian kerajaan.

“Saya melaksanakan beberapa pembaharuan melahirkan budaya kerja cemerlang yang mungkin dipandang sebagai remeh. Saya melarang kakitangan daripada mengambil sarapan lagi selepas 8.30 pagi kerana ia bertujuan untuk meningkatkan disiplin.

“Saya turut menyemak ejaan dalam draf memorandum atau surat kerana ia mencerminkan kebanggaan dalam hasil kerja kita. Saya sentiasa memulakan mesyuarat dipengerusikan saya tepat pada masa,” katanya.

Itu janji ketua setiausaha mewakili kakitangan di kementeriannya. Namun kini, soalnya bagaimana dengan pemain dalam sektor pertanian dan asas tani. Adakah mereka bersedia dan menyahut cabaran yang ditetapkan dalam RMK-9.

Dalam RMK-9 ini juga beberapa projek impak tinggi diteruskan kementerian iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Agro (ZIA), dan E-Hi-

pertanian.

Di samping itu, kementerian berkenaan mewujudkan industri luar bandar seterusnya memberi keyakinan usaha untuk mengubah imej sektor berkenaan akan tercapai.

Di luar bandar, usaha mewujudkan industri yang sesuai dengan asas tani dikembangkan dan ini dapat dicapai dengan ada penggunaan bioteknologi yang membantu menambah nilai produk segar sepanjang rantaian nilai tambah dari ladang ke meja makan.

Dalam sektor agro makanan pula, penghasilan daging sama ada kambing atau lembu serta pengeluaran akuakultur dilihat mampu menyumbang kepada peningkatan nilai eksport.

Sementara itu, cendekiawan dan mereka yang mahir dalam sektor ini, menjelaskan kadar kemajuan dan pertumbuhan sektor pertanian ketika ini tidak setara dibandingkan dengan sektor bukan pertanian seperti pembuatan dan perkhidmatan.

Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Fatimah Mohamed Arshad berkata, sektor komoditi utama seperti kelapa sawit, getah, koko telah berjaya bertapak kuat sebagai industri yang mapan.

Namun, katanya, perusahaan pertanian lain seperti bahan makanan seperti padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman pertanian lain masih pada tahap rendah dari segi nilai perniagaan, cakupan pasaran antarabangsa dan keluaran nilai tambah yang dihasilkan.

Malah katanya beberapa sektor ini mengalami kelembapan serius sehinggakan Ma-

takkan RM6.9 bilion, meningkat 94 peratus berbanding Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Ini jelas menunjukkan komitmen tinggi kerajaan untuk melihat sektor itu setanding sektor pembuatan dan perkhidmatan. Mengikut rekod, sumbangan sektor ini kepada ekonomi mengecil dari segi peratus, tetapi dari segi nilai mutlak ia meningkat dan dijangka meningkat apabila berakhirnya tempoh RMK-9.

Dalam tempoh RMK-9, kerajaan menetapkan sektor pertanian berperanan meningkatkan nilai ditambah dalam ekonomi negara bukan saja setara dengan sektor ekonomi lain seperti pembuatan dan perkhidmatan, malah lebih maju, dinamik dan berdaya saing seperti digariskan dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3).

Dalam RMK-9, konsep pertanian baru dijadikan asas penting yang mempunyai ciri seperti pertanian komersial berskala besar; penggunaan teknologi moden lebih luas; pengeluaran berkualiti dan mempunyai nilai ditambah tinggi; memanfaatkan sepenuhnya potensi bioteknologi; penggabungan dengan teknologi maklumat dan komunikasi serta pembabitkan usahawan tani dan tenaga kerja mahir.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dalam titah sulung merasmikan mesyuarat pertama Penggal Keempat, Parlimen ke-11 di Dewan Rakyat, Mac lalu turut menyentuh sektor pertanian yang menjadi penjana pertumbuhan ekonomi ketiga negara.

Seri Paduka menggesa agar usaha menarik penyertaan swasta dipertingkatkan, khususnya dalam usaha sama membabitkan penggunaan teknologi tinggi.

Adakah semua pihak cukup bersedia untuk memastikan semua yang dirancang dalam RMK-9 dapat dicapai. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani cukup bersedia dan sudah pun memulakan kerjanya selepas setahun RMK-9 diumumkan.

Namun, soalnya kini, siapakah yang akan memantau semua perancangan ini. Adakah kementerian mewujudkan jawatan kuasa pe-

“Budaya kerja cemerlang mengamalkan nilai dan norma kerja yang mengutamakan tindakan dan hasil kerja yang berkualiti, berdisiplin dan berhemah tinggi serta berinovatif”

Dr Zulkifli Idris
Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani



TEKNOLOGI BARU: Penggunaan jentera dapat menjimatkan masa menanam padi.

Zon Industri Akukultur (ZIA), Pusat Fidlot Negara (NFC), Industri Asas Tani dan Ladang Kontrak.

Semua projek berkenaan di bawah seliaan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Projek impak tinggi juga dilihat mampu melahirkan lebih ramai usahawan melalui konsep ladang kontrak, ladang satelit dan syarikat besar yang menjadi penaung atau anchor kepada usahawan berkenaan.

Di bawah kepemimpinan Abdullah, pertanian di tambah dengan fungsi industri asas tani. Untuk itu, matlamat serampang dua mata dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dan menjadikan Malaysia pengeksport bersih makanan berasaskan

laysia terpaksa bergantung kepada import untuk bekalan dalam negeri. Pada 2004, nilai import makanan Malaysia bernilai RM16.6 bilion dengan kurangan RM6.6 bilion.

Kesimpulannya, sasaran utama pembangunan pengeluaran agro-makanan dan pemprosesan hiliran di bawah RMK-9 ialah untuk memperbanyakkan golongan petani, penternak dan nelayan moden dan komersial serta usahawan tani untuk menerajui pembangunan agro-makanan tanpa mengabaikan petani tradisional.

Adalah diharapkan apa saja pelaksanaan dalam RMK-9 selaras dengan harapan tampuk pimpinan negara untuk merevolusikan dan mengindustrikan sektor pertanian ini supaya menjadi lebih moden, dinamik dan berdaya saing.